

→ KV diperkenalkan pada 2012 dan tetapkan pelajar perlu mengambil Sijil Vokasional Malaysia (SKV) sebagai syarat mengikuti DVM tanpa perlu mengambil SPM

→ Memasuki KV gunakan keputusan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan ikuti kursus kemahiran itu selama empat tahun tanpa perlu menduduki SPM

→ Syarat Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) - seseorang pelajar perlu ada pengalaman kerja sekurang-kurangnya sehingga berusia 21 tahun untuk dapat sijil Program Akreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (APEL) bagi membolehkan mereka memohon ke program sarjana muda

UNIVERSITI TAK IKTIRAF GRADUAN KV TANPA SPM

Syarat ketat memasuki ke universiti tidak relevan

BH
7/1/17
ms9

→ Kerajaan perlu sedia laluan baharu lepasan KV lanjut pengajian

Oleh Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak
meor.ahmad@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pelbagai pihak menyifatkan syarat ketat untuk pelajar lepasan Kolej Vokasional (KV) melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT) sebagai tidak relevan dan kurang bersesuaian.

Malah, netizen turut meminta kerajaan memikirkan satu laluan baharu untuk pelajar lepasan Kolej Vokasional (KV) melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Graduan lepasan KV yang enggan dikenali berkata, walau-

pun memiliki Diploma Teknologi Elektrik, namun tidak layak melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda kerana tidak memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Lepasan KV ada kepakaran

Beliau berkata, dalam hal ini, kerajaan perlu memikirkan masa depan lepasan KV kerana mereka mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam bidang masing-masing.

“Empat tahun saya menghabiskan masa untuk belajar dalam bidang teknologi elektrik dan akhirnya kecewa selepas mendapat tahu sijil yang diterima tidak diiktiraf universiti.

“Saya minta kerajaan bantu kami dengan tidak mengabaikan lepasan KV dengan memikirkan laluan atau cara apa sekalipun untuk pelajar melanjutkan pengajian,” katanya.

Ahli perniagaan, Ali Shafiee, 32, berpendapat kerajaan harus menambah baik Sijil Pelajaran Malaysia/Vokasional (SPM/SPVM) kerana ia boleh menjamin masa depan graduan vokasional.

Presiden Majlis Permuafaka-

tan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional (PIBGN), Prof Madya Datuk Mohamad Ali Hassan, berkata pelajar lepasan KV sudah menghabiskan masa empat tahun untuk memperoleh Diploma Vokasional Malaysia (DVM).

“Syarat masuk IPT sangat ketat, tidak relevan dan merugikan masa pelajar.

Rugikan masa pelajar

“Selain merugikan masa pelajar, ini sekali gus menyebabkan pelajar kurang berminat untuk menyambung pengajian pada peringkat yang lebih tinggi,” katanya.

Beliau berharap pelajar yang mempunyai latar belakang vokasional dan teknikal diberi laluan yang berbeza berbanding dengan mereka yang mempunyai SPM.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Zambri Mohd Isa, berkata universiti boleh menetapkan sebarang syarat, namun ia perlu dipermudahkan bagi menggalakkan pelajar lepasan KV untuk melanjutkan pengajian.



Pelajar yang mempunyai latar belakang vokasional dan teknikal patut diberi laluan berbeza berbanding dengan mereka yang mempunyai SPM”

Mohamad Ali Hassan,
Presiden PIBGN